

Nurshyhada Balqis, SK Lubok Temiang Naib Johan Bercerita Kisah-Kisah Al- Quran MTQSS Peringkat Kebangsaan 2018



Labuan – Adik Nurshyhada Balqis binti Amir dari SK Lubok Temiang muncul naib johan Bercerita Sekolah Rendah kategori perempuan pada Majlis Tadarus Al-Quran Sekolah-Sekolah (MTQSS) , Kementerian Pendidikan Malaysia, Peringkat Kebangsaan Ke-44 Tahun 2018/1439H.

Johan telah dimenangi oleh peserta dari negeri Pahang dan peserta dari Negeri Sembilan mendapat tempat ke-3.

Pertandingan berlangsung pada 29 Julai 2018 bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat Johor.

Kejayaan ini merupakan kejayaan kali ke-2 buat SK Lubok Temiang dalam MTQSS Peringkat Kebangsaan. Sebelum ini, pada tahun 2016, [adik Siti Nurafiqah Zamri juga telah diistiharkan sebagai naib johan bercerita kisah-kisah Al-Quran MTQSS Kebangsaan kali ke-42.](#)

Syabas, Tahniah diucapkan kepada adik Nurshyhada Balqis dan warga SK Lubok Temiang terutamanya kepada Jurulatih Ustazah Rini Othman yang melatih dan mengasah bakat murid ini hingga berjaya di peringkat kebangsaan.

[Kemenjadian dan Kecemerlangan Murid Bermula di Sini.](#)



Adik Nurshyhada Balqis bersama sijil dan Piala Kemenangan

